

Operasi Claret (1964–1966): Strategi Ketenteraan British Semasa Konfrontasi di Borneo

(Operation Claret (1964–1966): British Military Strategy During the Confrontation in Borneo)

Abdul Rahman Mad Ali @ Abang^{1*} 

¹History Section, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, 11800, USM, Pulau Pinang, Malaysia.
Email: manabulrahman@usm.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Abdul Rahman Mad Ali @ Abang
(manabulrahman@usm.my)

KATA KUNCI:

Konfrontasi
Operasi Claret
Strategi pertahanan
Pasukan paramiliter
Sempadan Sarawak–Sabah

KEYWORDS:

Confrontation
Operation Claret
Defence strategy
Paramilitary forces
Sarawak–Sabah border

CITATION:

Abdul Rahman Mad Ali @ Abang. (2025).
Operasi Claret (1964–1966): Strategi
Ketenteraan British Semasa Konfrontasi di
Borneo. *Malaysian Journal of Social Sciences
and Humanities (MJSSH)*, 10(6), e003438.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i6.3438>

Konfrontasi Indonesia–Malaysia (1963–1966) merupakan konflik bersenjata yang teretus akibat penolakan Presiden Sukarno terhadap penubuhan Persekutuan Malaysia, yang dilihat sebagai bentuk neo-kolonialisme British. Menerusi kempen “Ganyang Malaysia,” Indonesia melancarkan siri serangan gerila dan pencerobohan bersenjata secara sistematik di kawasan perbatasan Sarawak dan Sabah sebagai strategi utama untuk menggugat keselamatan wilayah dan kestabilan politik Malaysia yang baru merdeka. Sepanjang tempoh konflik, Sarawak mencatatkan sebanyak 116 insiden serangan manakala Sabah mengalami 61 siri pencerobohan oleh Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI). Artikel ini menganalisis strategi pertahanan Malaysia dan tindak balas ketenteraan yang dilaksanakan melalui Operasi Claret sebuah operasi ketenteraan rahsia yang berasaskan pendekatan serangan rentas sempadan secara terancang. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif dengan analisis sumber primer dan sekunder, termasuk dokumen arkib, kajian literatur, serta temu bual lapangan. Data dikumpul daripada pelbagai institusi seperti Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Arkib Negeri Sabah, Arkib Negara Malaysia, Muzium Tentera Darat, National Archives (UK dan Australia), serta Australian War Memorial. Di samping itu, temu bual dijalankan bersama veteran tentera, anggota pasukan paramiliter, dan penduduk tempatan di kawasan sempadan. Dapatan kajian mengesahkan bahawa kejayaan Operasi Claret dalam mengekang pencerobohan Indonesia bergantung kepada kerjasama strategik antara pasukan tentera Komanwel, pasukan paramiliter tempatan seperti Border Scouts, serta sokongan aktif masyarakat perbatasan. Peranan elemen tempatan yang sering terpinggir dalam historiografi rasmi terbukti merupakan tunjang penting dalam mempertahankan kedaulatan Malaysia di Borneo sepanjang era Konfrontasi.

ABSTRACT

The Indonesia–Malaysia Confrontation (1963–1966) was an armed conflict triggered by President Sukarno’s rejection of the formation of the Federation of Malaysia, which he perceived as a manifestation of British neo-colonialism. Through the “Ganyang Malaysia” campaign, Indonesia launched systematic guerrilla warfare and armed incursions along the borders of Sarawak and Sabah as a central strategy to undermine Malaysia’s territorial security and political stability. During the conflict, Sarawak recorded 116 armed attacks, while Sabah experienced 61 cross-border incursions by the Indonesian National Armed Forces (ABRI). This article analyses Malaysia’s defence strategy and military response, with a particular focus on the implementation of Operation Claret—a covert cross-border military operation designed to neutralise Indonesian threats before they could penetrate Malaysian territory. Employing a qualitative descriptive methodology, the study draws on primary and secondary sources including archival documents, literature reviews, and field interviews. Data were collected from institutions such as Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, the Sabah State Archives, the National Archives of Malaysia, the Malaysian Army Museum, the National Archives (UK and Australia), and the Australian War Memorial. In addition, interviews were conducted with military veterans, paramilitary personnel, and local residents from border communities. Findings confirm that the success of Operation Claret in deterring Indonesian aggression was largely dependent on the strategic collaboration between Commonwealth forces, local paramilitary units such as the Border Scouts, and the active support of frontier communities. The contributions of these local elements—often overlooked in official historiography—played a vital role in safeguarding Malaysia’s sovereignty in Borneo during the Confrontation.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada khususnya historiografi Konfrontasi dengan menyorot strategi rahsia Operasi Claret dan penglibatan pasukan paramiliter tempatan (lokal) dalam konteks Perang Dingin. Ia mengisi jurang pengetahuan pertahanan rentas sempadan Malaysia pascakolonial dan pemahaman tentang cabaran keselamatan di Sarawak dan Sabah.

1. Pengenalan

Pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 mencetuskan tentangan keras daripada Republik Indonesia di bawah kepimpinan Presiden Sukarno, yang menganggap gagasan Malaysia sebagai suatu manifestasi neo-kolonialisme British di Asia Tenggara (Stockwell, 2003). Penolakan ini kemudiannya memuncak kepada satu konflik diplomatik dan ketenteraan yang dikenali sebagai Konfrontasi Indonesia–Malaysia (1963–1966) (Hindley, 1964; Mad Ali @ Abang, 2024). Konflik ini menyaksikan pencerobohan bersenjata, sabotaj, dan perang gerila oleh Angkatan Bersenjata Republik

Indonesia (ABRI) khususnya di sempadan Sarawak-Kalimantan Barat (Kalbar) dan sempadan Sabah-Kalimantan Utara (Kaltara). Tindakan strategik menangani ancaman ini, pihak British telah melancarkan Operasi Claret pada pertengahan tahun 1964 sebuah operasi ketenteraan rentas sempadan yang dilaksanakan secara rahsia ke wilayah Kalimantan.⁴ Matlamat utama operasi ini ialah untuk melemahkan keupayaan ofensif Indonesia sebelum mereka sempat menceroboh ke dalam wilayah Malaysia. Beroperasi di bawah kerangka Perjanjian Pertahanan Anglo-Malaysia (AMDA), pelaksanaan Claret turut melibatkan penglibatan aktif negara-negara Komanwel seperti Australia, New Zealand ([Mad Ali @ Abang, 2021](#)). Penulisan ini bertujuan untuk meneliti pelaksanaan serta menilai keberkesanan Operasi Claret sebagai sebahagian daripada strategi pertahanan tidak seimbang (*asymmetric warfare*) dalam konteks keselamatan sempadan Malaysia, serta merungkai implikasi geopolitiknya terhadap kestabilan serantau semasa era Perang Dingin.

Kajian ini digerakkan oleh keperluan untuk mengisi jurang pengetahuan berkaitan Operasi Claret (1964–1966), sebuah strategi ketenteraan penting yang kekal dirahsiakan hampir tiga dekad selepas Konfrontasi Indonesia–Malaysia. Kurangnya pendedahan ilmiah dan perhatian dalam historiografi rasmi Malaysia terhadap pelaksanaan serta kesan strategik Operasi Claret. Ketiadaan naratif menyeluruh yang menggabungkan dimensi ketenteraan, peranan pasukan tempatan, dan masyarakat perbatasan. Kurangnya integrasi sumber lisan dan dokumentasi lapangan bagi membentuk naratif sejarah yang lebih holistik, inklusif, dan representatif. Ringkasnya, kajian ini menangani keperluan menilai semula Operasi Claret secara strategik dan kontekstual, dengan pendekatan yang lebih menyeluruh dan berasaskan pelbagai sumber sejarah.

1.1. Objektif Kajian

Kajian ini menganalisis rasional dan matlamat strategik pelaksanaan Operasi Claret dalam konteks Konfrontasi Indonesia–Malaysia. Objektif pertama bertujuan memahami latar geopolitik dan pertimbangan ketenteraan yang mendorong pendekatan ofensif rentas sempadan oleh British dan sekutu Komanwel. Kedua, menilai keberkesanan taktikal Operasi Claret sebagai strategi pertahanan tidak konvensional (*asymmetric warfare*) dalam mempertahankan wilayah Malaysia Timur fokus diberi kepada kejayaan operasi dalam membendung infiltrasi ABRI serta impaknya terhadap kestabilan sempadan Sarawak dan Sabah. Ketiga, meneliti peranan pasukan tentera Komanwel dan pasukan paramiliter tempatan dalam menjayakan operasi. Penekanan khusus diberikan kepada kolaborasi antara unit elit British (seperti SAS dan Gurkha), pasukan Australia dan New Zealand, serta Border Scouts, Bultiken dan Home Guard.

2. Sorotan Literatur

[Hindley \(1964\)](#) adalah contoh penting literatur popular yang mencerminkan kefahaman Barat terhadap krisis geopolitik Asia Tenggara pada dekad 1960-an. Walaupun terbatas dari segi ketepatan sejarah dan kedalaman analisis, ia tetap bernilai sebagai sumber persepsi kontemporari dan pembentuk wacana awam terhadap peranan Sukarno, Malaysia, dan pertahanan Komanwel. Kajiannya perlu ditanggapi secara kritis dan dibandingkan dengan sumber-sumber akademik yang lebih mutakhir.

[Walker \(1969\)](#) menganggap kejayaan ketenteraan di Borneo sebagai “kemenangan Asia yang tidak diceritakan”, dan menegaskan bahawa operasi ofensif rahsia seperti Claret

merupakan faktor utama dalam menewaskan ancaman Indonesia di sempadan Malaysia. Walker (1969) menulis dari sudut perspektif rasmi ketenteraan British, yang menekankan kecekapan strategi mereka tanpa memberi perhatian serius kepada kesan terhadap penduduk tempatan atau sudut pandang Malaysia dan Indonesia. Sebagai sumber primer, ia sangat berharga untuk memahami cara pemikiran, justifikasi moral, dan penilaian kejayaan oleh komando British semasa Konfrontasi.

James dan Sheil-Small (1971) memberikan gambaran terperinci tentang operasi tentera British semasa Konfrontasi, termasuk pengalaman langsung dalam perang hutan dan justifikasi strategik terhadap serangan rentas sempadan di Kalimantan. Penelitiannya penting untuk memahami persepsi dan rasional ketenteraan British terhadap Konfrontasi serta dinamika operasi di medan Borneo yang penuh cabaran.

Dickens (1991) memberi penekanan kepada kecekapan taktikal dan ketahanan fizikal pasukan SAS dalam menghadapi cabaran operasi hutan serta keperluan kerjasama rapat dengan komuniti tempatan dalam menjayakan operasi rahsia semasa Konfrontasi. Dickens (1991) menekankan bahawa kejayaan operasi SAS dalam Operasi Claret dan misi pengawasan rentas sempadan adalah hasil gabungan disiplin, pengetahuan medan tropika, serta penggunaan teknik gerila yang berkesan.

Gregorian (1991) mengkaji secara mendalam Operasi Claret, iaitu serangan rahsia rentas sempadan oleh tentera British dan Komanwel ke wilayah Indonesia semasa Konfrontasi 1964–1966. Beliau berhujah bahawa walaupun operasi ini berjaya secara taktikal, ia dilaksanakan dalam suasana kerahsiaan tinggi kerana risiko politik. Operasi Claret dianggap sebagai strategi “*defence-in-depth*” untuk mencegah ancaman sebelum tiba ke sempadan Malaysia. Artikel ini menyorot koordinasi antara unit khas seperti SAS, Gurkha Rifles dan pasukan tempatan, serta mengkritik sikap kerajaan British yang merahsiakan operasi tersebut meskipun ia penting dalam menamatkan konflik.

Edwards dan Pemberton (1992) menunjukkan bahawa penglibatan Australia dalam Konfrontasi Indonesia–Malaysia mencerminkan strategi autonomi serantau yang berhati-hati, di mana Canberra menyokong Malaysia secara ketenteraan tetapi berusaha mengekalkan tekanan diplomatik terhadap Sukarno dalam rangka hubungan serantau jangka panjang.

Carlin (1994) menegaskan bahawa Operasi Claret memperlihatkan bagaimana operasi khas boleh digunakan secara terpilih dan rahsia untuk mencapai tujuan strategik tanpa mengorbankan saluran diplomatik rasmi. Kajian ini memperlihatkan gabungan analisis strategik dan sejarah ketenteraan, menjadikannya rujukan berguna bagi memahami peranan operasi khas dalam konflik tidak diisytiharkan, serta bagaimana tentera digunakan sebagai instrumen diplomatik dalam senario yang kompleks secara geopolitik.

Easter (1999) menyoroti peranan rahsia Britain dan Malaysia dalam menyokong gerakan pemberontak anti-Sukarno di Indonesia semasa Konfrontasi 1963–1966. Beliau berhujah bahawa strategi ini merupakan langkah kontra-subversif untuk melemahkan rejim Sukarno dari dalam, khususnya melalui operasi perisikan MI6 dan pasukan keselamatan Malaysia di wilayah seperti Kalimantan Barat dan Sulawesi. Kajian ini mencabar naratif bahawa tindakan Malaysia dan Britain bersifat defensif, dengan menampilkan bukti penglibatan aktif dalam operasi rahsia selari dengan kepentingan Perang Dingin yang disembunyikan dari pengetahuan umum selama beberapa dekad.

Kuasa-kuasa Barat seperti Britain, Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand memainkan peranan penting dalam menangani Konfrontasi Indonesia–Malaysia melalui diplomasi dan bantuan ketenteraan. Barat bimbang terhadap kestabilan Asia Tenggara dalam konteks Perang Dingin dan berusaha mengekang perluasan konflik yang tidak pernah diisytiharkan secara rasmi sebagai perang, termasuk dengan menekan Sukarno secara diplomatik serta menempatkan tentera di Malaysia dan Singapura.

[Stockwell \(2003\)](#) berhujah bahawa pembentukan Malaysia adalah hasil rancangan geopolitik berskala besar oleh Britain untuk mengekalkan pengaruhnya di Asia Tenggara selepas proses dekolonisasi, terutamanya dengan menyatukan Singapura dan wilayah Borneo ke dalam satu kerangka strategik. Pembentukan Persekutuan Malaysia bukan hanya dilihat sebagai langkah dekolonisasi, tetapi sebagai satu "grand design" geopolitik British untuk mempertahankan kepentingan strategiknya di Asia Tenggara semasa era Perang Dingin.

[Tuck \(2004\)](#) meneliti bagaimana strategi kontra-pemberontakan British dan Komanwel di Borneo semasa Konfrontasi 1963–1966 menyumbang kepada penamatan konflik. Kejayaan mereka bergantung kepada pendekatan perang berintensiti rendah seperti kawalan kawasan, kerjasama dengan penduduk tempatan, operasi rahsia seperti Operasi Claret, dan peranan unit tempatan seperti Border Scouts. [Tuck \(2004\)](#) juga menekankan kepentingan strategi *defence-in-depth* dan pemahaman konteks sosial-geografi. Penamatan konflik dicapai bukan melalui kemenangan ketenteraan mutlak, tetapi melalui diplomasi dan faktor dalaman Indonesia, termasuk kejatuhan Sukarno selepas peristiwa G30S 1965.

[Easter \(2001\)](#) meneliti campur tangan sulit kuasa Barat terutamanya Britain dan Amerika Syarikat dalam krisis Indonesia selepas insiden G30S 1965. Beliau berhujah bahawa Barat secara aktif menyokong usaha menjatuhkan Sukarno melalui propaganda, kerjasama dengan tentera Indonesia, dan strategi anti-komunis. Frasa "keep the Indonesian pot boiling" mencerminkan niat Barat untuk terus menekan rejim Sukarno bagi memastikan peralihan kuasa kepada pemerintahan yang lebih pro-Barat. Artikel ini menekankan bahawa campur tangan asing merupakan faktor penting dalam perubahan politik Indonesia pasca-1965.

[Van der Bijl \(2007\)](#) menekankan bahawa kejayaan British dalam Konfrontasi sebahagian besarnya bergantung kepada penguasaan operasi khas seperti Claret, serta kerjasama efektif dengan pasukan tempatan dan sokongan logistik rentas wilayah. memperincikan operasi-operasi utama termasuk Operasi Claret, iaitu misi serbuan rahsia rentas sempadan yang dilaksanakan bagi mengganggu logistik dan gerakan tentera Indonesia di Kalimantan. Penulis turut menelusuri aspek strategi, latihan hutan, kerjasama dengan pasukan tempatan, serta cabaran politik yang dihadapi oleh kerajaan British dalam mengekalkan kerahsiaan operasi-operasi ini.

[Fowler \(2006\)](#) menegaskan bahawa kejayaan British dalam Konfrontasi bergantung kepada pelaksanaan operasi rahsia yang berkesan serta kerjasama erat dengan pasukan tempatan, menjadikan konflik ini sebagai salah satu contoh terbaik peperangan kecil yang berjaya dalam sejarah ketenteraan British moden. Britain, melalui unit khas seperti SAS, Gurkhas, dan kerjasama dengan pasukan tempatan seperti Border Scouts dan Iban Trackers, melaksanakan operasi rahsia seperti Operasi Claret untuk mencegah ancaman Indonesia di sempadan Sabah dan Sarawak.

Smith (2008) menegaskan bahawa meskipun sering dilupakan dalam naratif umum Konfrontasi, pasukan artileri memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan operasi darat melalui sokongan tembakan tepat dan keberkesanan taktikal di hutan. peranan pasukan artileri adalah penting dalam menyediakan tembakan balas yang tepat, sokongan logistik, dan kekuatan moral kepada pasukan gabungan Australia, British dan Malaysia.

Pocock (2013) menggambarkan General Walker sebagai tokoh penting dalam kejayaan operasi ketenteraan semasa Konfrontasi, terutama dalam memformulasikan pendekatan agresif berasaskan serangan rahsia yang kemudian dikenali sebagai Operasi Claret. Pocock (2013) menyoroti Jeneral Walter Walker sebagai seorang pemimpin lapangan yang tegas, inovatif, dan vokal dalam mempertahankan pendekatan agresif terhadap Konfrontasi, termasuk pelaksanaan Operasi Claret, iaitu operasi rahsia rentas sempadan ke Kalimantan.

Tuck (2016) mengkaji operasi rahsia oleh pasukan SAS British semasa Konfrontasi 1964–1966, khususnya serbuan rentas sempadan dalam Operasi Claret. Beliau berhujah bahawa walaupun operasi ini berjaya secara taktikal, ia mempunyai batasan strategik dan politik, termasuk risiko pendedahan dan ketegangan diplomatik. Tuck (2016) menekankan bahawa tindakan *covert* tidak mencukupi untuk mencapai kemenangan menyeluruh dan mesti disokong oleh penyelesaian politik serta strategi keseluruhan yang lebih luas.

Jerrentrup et al. (2018) mengkaji kesinambungan konflik di Borneo dari era Konfrontasi (1963–1966) hingga pemberontakan komunis di Sarawak pada 1970-an dan 1980-an. Beliau berhujah bahawa strategi keselamatan yang dibangunkan semasa Konfrontasi termasuk operasi kontra-pemberontakan dan kerjasama antarabangsa digunakan semula dalam menentang gerakan komunis. Artikel ini menyorot bagaimana Borneo kekal sebagai medan utama keselamatan strategik Malaysia dalam konteks Perang Dingin dan pascakolonial.

Sutter (1966) meneliti dasar Britain dalam pembentukan Malaysia antara 1961 hingga 1963, dengan fokus kepada keselamatan Singapura, kedudukan wilayah Borneo, dan strategi geopolitik imperial. Kebimbangan terhadap ancaman komunis dan ketidakstabilan serantau mendorong Britain menyokong gagasan Malaysia sebagai langkah keselamatan jangka panjang. Jones berhujah bahawa pembentukan Malaysia merupakan hasil daripada kompromi antara kepentingan imperial British dan aspirasi tempatan, yang dipercepatkan oleh tekanan geopolitik serantau khususnya penentangan Indonesia terhadap gagasan tersebut. Pendekatan ini menyorot bagaimana dinamika kuasa global dan serantau saling berinteraksi dalam membentuk proses dekolonisasi dan pembentukan negara baharu di Asia Tenggara.

Tuck (2021) meneliti pengunduran tentera British dari Malaysia Timur antara 1966 dan 1967 sebagai satu proses strategik yang mengimbangi keperluan pengurangan komitmen ketenteraan dengan tanggungjawab terhadap kestabilan Malaysia pasca-Konfrontasi. Pengunduran ini mencerminkan kemerosotan kuasa geopolitik dan ekonomi Britain, dan dilaksanakan melalui perancangan diplomatik, pembinaan kapasiti ketenteraan Malaysia, serta kerjasama dengan negara Komanwel, yang akhirnya membawa kepada penubuhan Perjanjian Pertahanan Lima Negara (FPDA).

3. Metod Kajian

Penulisan ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif berasaskan reka bentuk kajian sejarah deskriptif dengan penekanan terhadap analisis naratif melalui triangulasi sumber primer dan sekunder. Kajian ini menelusuri pelaksanaan Operasi Claret (1964–1966) melalui analisis dokumen rasmi, bahan bertulis, serta naratif pengalaman peribadi pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Pengumpulan data dilaksanakan menerusi kajian perpustakaan dan penyelidikan arkib di institusi seperti Universiti Malaysia Sabah (UMS), Arkib Negeri Sabah, dan Muzium Tentera Darat Malaysia. Kajian ini turut melibatkan temu bual separa berstruktur bersama veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM), anggota pasukan paramiliter seperti Border Scouts, Bulungan Tidung Kenya (Bultiken), Sabah Border Scout (SBS), serta penduduk tempatan di kawasan sempadan. Maklumat lisan yang diperoleh memperkaya naratif sejarah dengan perspektif komuniti yang sering terpinggir daripada rekod rasmi. Integrasi antara sumber dokumentasi dan lisan membolehkan analisis yang lebih menyeluruh terhadap dimensi strategik, taktikal, dan sosial, sekali gus menyumbang kepada pemahaman baharu terhadap strategi pertahanan tidak konvensional British dan Malaysia sepanjang era Konfrontasi.

4. Hasil Kajian

Selepas pembentukan Malaysia penyertaan rasmi wilayah Sarawak dan Sabah ke dalam Persekutuan Malaysia telah mencetuskan transformasi signifikan dalam landskap geopolitik Asia Tenggara pascakolonial. Langkah ini bukan sahaja memperkukuh kedudukan strategik Malaysia sebagai entiti politik baharu di rantau Asia Tenggara, tetapi turut mencabar kepentingan kuasa serantau seperti Indonesia, yang menafsirkan perkembangan ini sebagai lanjutan pengaruh 'neo-kolonialisme' British (Hindley, 1964). Dalam usaha memenuhi komitmen pertahanannya terhadap Malaysia sebagai sebuah negara yang baru merdeka, Britain bergantung kepada dua kerangka perjanjian utama, iaitu Perjanjian Pertahanan AMDA dan perjanjian bilateral dengan Brunei. Menurut Mad Ali @ Abang (2021) kedua-dua perjanjian ini secara jelas menetapkan tanggungjawab Britain untuk menyediakan sokongan ketenteraan sekiranya wujud ancaman luar terhadap keselamatan dan integriti wilayah Malaysia. Dalam konteks Konfrontasi, AMDA menjadi landasan sah bagi kehadiran serta penglibatan langsung tentera British di Malaysia Timur (Chin, 1983). Perjanjian ini memberikan mandat ketenteraan kepada Britain untuk melaksanakan tindak balas terhadap rangkaian serangan, aktiviti sabotaj, dan pencerobohan bersenjata oleh ABRI yang menyasarkan Sarawak, Sabah dan wilayah Brunei.

Sebagai tindak balas langsung terhadap ancaman pencerobohan oleh Indonesia semasa era Konfrontasi, Mejar Jeneral Sir Walter Walker, selaku Komander dan Pengarah Operasi Borneo (*Director of Borneo Operations, DOBOPS*), telah merangka dan melaksanakan satu strategi ketenteraan khusus yang dikenali sebagai Operasi Claret (Walker, 1969; Gregorian, 1991; Carlin, 1994). Operasi ini mula dilaksanakan secara rahsia pada pertengahan tahun 1964 dan berterusan sehingga akhir tahun 1966, dengan objektif utama untuk:

- i. Mengekang dan menghapuskan ancaman ABRI sebelum mereka dapat menceroboh wilayah Malaysia
- ii. Mengalihkan tekanan strategik daripada pertahanan statik kepada serangan proaktif rentas sempadan di kawasan Sarawak–Kalimantan Barat (Kalbar) dan Sabah–Kalimantan Utara (Kaltara).

Operasi Claret menandakan satu perubahan besar dalam pendekatan British daripada strategi bertahan pasif kepada serangan terancang berskala kecil yang dikendalikan secara rahsia oleh unit-unit terlatih seperti Gurkhas, SAS, dan pasukan gabungan Komanwel (Easter, 1999). Satu perubahan signifikan dalam dasar pertahanan British di Borneo, daripada pendekatan pertahanan pasif kepada strategi ofensif rentas sempadan yang terancang dan berprofil rendah. Ia membolehkan pasukan khas British seperti Special Air Service (SAS), Rejimen Gurkha, serta pasukan sekutu dari Australia dan New Zealand melancarkan serangan awal terhadap kedudukan-kedudukan ABRI di Kalimantan, sejauh sehingga 5,000 meter dari garis sempadan Malaysia di Borneo (Gregorian, 1991). Sasaran utama serangan termasuklah kem penempatan musuh, laluan logistik utama, dan pos taktikal mobil yang dikenal pasti sebagai permulaan infiltrasi ke wilayah Sarawak, Sabah, dan Brunei. Walaupun bersifat ofensif, operasi ini dijalankan dalam kerangka doktrin pertahanan proaktif (*proactive defence doctrine*) yang bertujuan mempertahankan kedaulatan wilayah Malaysia dan entiti naungan British daripada tindakan subversif, serangan bersenjata, dan pencerobohan gerila oleh tentera Indonesia (Gregorian, 1991; Fowler, 2006; Van der Bijl, 2007).


Operasi ini dijalankan dalam kerahsiaan mutlak dan tidak diakui secara rasmi oleh kerajaan British sehingga tahun 1974, manakala penglibatan pasukan Australia hanya diumumkan secara terbuka pada 1996 (Dennis & Grey, 1996). Sepanjang tempoh pelaksanaannya, operasi Claret tidak pernah dimaklumkan kepada Parlimen Britain, dan sebarang pendedahan mengenainya hanya berlaku selepas sekatan maklumat ketenteraan dilonggarkan. Dari sudut strategik, Operasi Claret mencerminkan kebijaksanaan geopolitik dan kecekapan taktikal British serta Malaysia dalam mengadaptasi pendekatan peperangan asimetri dan tidak konvensional, bersesuaian dengan:

- i. Medan tempur hutan tropika Borneo yang mencabar
- ii. Sensitiviti politik antarabangsa yang menuntut operasi "tidak rasmi"
- iii. Kepentingan penglibatan komuniti tempatan dalam aspek risikan, logistik dan sokongan moral

Keseluruhannya, operasi ini memperlihatkan keupayaan British untuk mengimbangi tekanan politik antarabangsa, keperluan pertahanan kawasan naungan, serta memanfaatkan kerjasama erat dengan pasukan paramiliter Malaysia seperti Border Scouts, Iban Trackers dan Bultiken, sekali gus membentuk satu sistem pertahanan berlapis dan dinamik di perbatasan Borneo sepanjang era Konfrontasi (Mad Ali @ Abang, 2021). Lokasi strategik pencerobohan dan serangan tentera Indonesia di kawasan sempadan seperti Rajah 1.

Operasi Claret, yang turut dikaitkan dengan kod etika pelaksanaannya iaitu "Golden Rules" merupakan satu strategi ketenteraan rahsia yang dirangka secara teliti oleh pihak British sebagai tindak balas terhadap peningkatan ancaman penyusupan oleh ABRI ke wilayah perbatasan Sarawak dan Sabah antara tahun 1964 hingga Tujuan utama operasi ini adalah untuk menghalang infiltrasi musuh serta memusnahkan pos-pos hadapan ABRI yang dibina di kawasan Kalimantan Barat (Kalbar) dan Kalimantan Timur (Kaltim), terutamanya berhampiran sempadan dengan Malaysia 1966 (Mad Ali @ Abang et, al 2019). Pelaksanaan Operasi Claret tertakluk kepada satu set garis panduan operasi yang dikenali sebagai "Peraturan Emas" (*Golden Rules*) yang digubal oleh Mejar Jeneral Walter Walker, selaku Pengarah Operasi Borneo (DOBOPS) (Gregorian, 1991; Walker, 1969). Peraturan ini bertujuan untuk memastikan keberkesanan taktikal operasi sambil mengekalkan kerahsiaan yang maksimum.

Rajah 1: Lokasi Dominan Berlakunya Pencerobohan dan Pertempuran di Sempadan Sarawak dan Sabah.



Sumber: Mad Ali @ Abang (2021)

Antara prinsip utama yang wajib dipatuhi oleh semua anggota yang terlibat ialah:

- i. Kelulusan rasmi bagi setiap operasi mesti diperolehi terlebih dahulu daripada Mejar Jeneral Walker (DOBOPS).
- ii. Hanya pasukan khas yang telah dilatih dan diuji dibenarkan terlibat dalam operasi.
- iii. Had penembusan ke dalam wilayah Indonesia adalah terhad, dan serangan hanya dibenarkan bagi menggagalkan tindakan ofensif pihak musuh.
- iv. Tiada sokongan udara atau penglibatan elemen wanita dibenarkan, kecuali dalam situasi kecemasan yang sangat ekstrem.
- v. Setiap operasi perlu dirancang secara terperinci menggunakan “meja pasir” (*sand table*) dan latihan menyeluruh perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya dua minggu sebelum operasi.
- vi. Keselamatan dan kerahsiaan maksimum mesti dijaga sepanjang perancangan dan pelaksanaan.
- vii. Setiap anggota yang terlibat mesti disumpah untuk menjaga rahsia operasi, dan setiap operasi diberi kod nama yang tidak boleh dibincangkan melalui radio atau telefon.
- viii. Semua identifikasi peribadi seperti tag nama (*dog tag*) mesti ditinggalkan sebelum berangkat, dan tiada sebarang jejak seperti kartrij, kertas, paket makanan, atau dokumen boleh ditinggalkan di medan operasi.
- ix. Tidak seorang pun askar boleh ditawan hidup atau mati oleh pihak musuh, segala langkah perlu diambil untuk mengelak risiko.
- x. Setiap anggota perlu membawa bekalan makanan (*ration*) untuk sepuluh hari, dan pengosongan korban (*casualty evacuation*) menggunakan helikopter tidak dibenarkan di dalam wilayah Indonesia; sebarang korban mesti dibawa semula ke sempadan Malaysia terlebih dahulu untuk dievakuasi.

'Claret' merupakan nama kod rahsia yang merujuk kepada siri operasi rentas sempadan yang dilaksanakan secara senyap oleh pasukan tentera British dan Komanwel di sepanjang sempadan Sarawak–Kalbar dan Sabah–Kaltara dan semasa era Konfrontasi. Operasi ini mula digerakkan tidak lama selepas pembentukan Malaysia, apabila pihak British dan Malaysia menyedari bahawa strategi pertahanan pasif yang terhad kepada dalam sempadan negara memberi kelebihan kepada Indonesia untuk menguasai inisiatif strategik (Hall & Ross, 2008). Oleh itu, pelaksanaan Claret dirangka sebagai satu tindak balas ofensif yang bersifat pencegahan, bertujuan untuk melemahkan kekuatan musuh sebelum mereka sempat menceroboh ke dalam wilayah Malaysia (Carlin, 1994; Fowler, 2006; Tuck, 2016).

Menyedari ketidakseimbangan strategik yang wujud akibat pendekatan pertahanan pasif, pihak tentera British di bawah pimpinan Mejar Jeneral Walter Walker, selaku Komander Pasukan British di Borneo (*British Borneo Command*), merangka satu pendekatan ofensif rentas sempadan yang terhad tetapi berkesan. Melalui pelaksanaan Operasi Claret, pasukan tentera Komanwel diberikan kebenaran untuk memasuki sehingga 2,000 meter ke dalam wilayah Indonesia. Objektif utama operasi ini adalah untuk menggugat kedudukan Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI), menghancurkan pos-pos hadapan musuh, serta merampas semula kelebihan strategik di kawasan perbatasan yang ketika itu memihak kepada Indonesia (Walker, 1969).

Dalam keadaan tertentu, kebenaran turut diberikan kepada pasukan Claret untuk melaksanakan tindakan mengejar musuh (*hot pursuit*) sehingga ke jarak maksimum yang dibenarkan, iaitu 2,000 meter ke dalam wilayah Indonesia. Selain itu, penggunaan sokongan tembakan artileri dan mortar dibenarkan secara terhad bagi memberi tekanan ke atas kedudukan taktikal pasukan Indonesia (Hall & Ross, 2008). Setiap gerakan operasi Claret dirancang secara teliti dan mesti mematuhi sepenuhnya Peraturan Emas (*Golden Rules*) yang digariskan oleh Mejar Jeneral Walter Walker. Antara prinsip utama yang ditetapkan termasuk keperluan kerahsiaan mutlak, had jarak penembusan taktikal, serta kelulusan khas daripada Ibu Pejabat Operasi Borneo DOBOPS (Walker, 1969).

Setiap pergerakan taktikal dalam Operasi Claret wajib mendapat pengesahan langsung daripada Mejar Jeneral Walter Walker, selaku Pengarah Operasi Borneo (DOBOPS) Fowler (2006). Walker memberi penekanan tegas terhadap pengendalian operasi secara terkawal, khususnya untuk mengelakkan risiko terhadap keselamatan masyarakat awam yang tinggal berhampiran kawasan sempadan. Dalam merangka strategi Claret, beliau menegaskan bahawa jarak penembusan ke dalam wilayah Indonesia mestilah terhad, bagi memastikan operasi tidak mencetuskan konflik terbuka yang boleh mengundang tekanan diplomatik atau kematian tidak perlu. Justeru, matlamat utama Claret ialah untuk membendung aktiviti penyusupan oleh ABRI, di samping melancarkan serangan taktikal terhadap pos musuh yang dibina berdekatan sempadan Sarawak–Kalbar dan Sabah–Kaltara (Van der Bijl, 2007). Menjelang Januari 1965, had operasi telah dilanjutkan sehingga 10,000 meter ke dalam wilayah Indonesia, sebagai respons terhadap peningkatan penempatan pasukan musuh dan ancaman strategik terhadap Bahagian Pertama, Sarawak (Carlin, 1994). Data operasi menunjukkan bahawa dalam tempoh ini, jumlah korban di pihak Indonesia meningkat secara mendadak, menandakan keberkesanan pendekatan serangan pra-emptif dan keberhasilan perisikan rentas sempadan (Walker, 1969).

Pelaksanaan Operasi Claret turut melibatkan penyertaan pasukan 3rd Battalion, Royal Australian Regiment (3RAR), yang secara rasmi diaturgerakkan ke kawasan operasi

pada Mei, 1965 (Mad Ali @ Abang, 2023). Sepanjang penugasan selama empat bulan di sektor sempadan antara Sabah dan Kalimantan Timur (Kaltim), 3RAR telah melaksanakan 32 operasi rentas sempadan, kebanyakannya dalam bentuk rondaan taktikal (*combat reconnaissance patrols*). Dalam tempoh ini, pasukan Australia telah terlibat dalam empat pertempuran besar menentang ABRI, termasuk satu insiden di mana Indonesia melancarkan serangan balas yang memerlukan penggunaan meriam artileri bagi melindungi unit platoon yang terlibat. Keterbatasan komunikasi taktikal semasa operasi menuntut setiap keputusan serangan dibuat secara desentralisasi oleh komander platoon, menandakan tahap autonomi medan yang tinggi dalam konteks operasi khas (Dickens, 1991; Smith, 2008).

Di samping penglibatan tentera konvensional Australia dan British, kejayaan Operasi Claret di sempadan Sabah– Kaltara turut bergantung kepada pasukan paramiliter Malaysia, khususnya Border Scouts, Mobile Post dan Bultiken. Border Scout sering menjadi pasukan pertama yang dihantar dalam operasi pengintipan dan risikan, sekali gus membuka laluan bagi tindakan ofensif oleh pasukan utama. Sepanjang tempoh Konfrontasi, operasi perisikan Malaysia di kawasan sempadan sangat bergantung kepada dua kelompok paramiliter utama, iaitu Iban Trackers dan unit pengesanan seperti Bultiken, Mobile Post dan Phill Post (Mad Ali @ Abang, 2021). Entiti ini memainkan peranan strategik dalam pengesanan pergerakan pasukan ABRI, terutamanya di kawasan pedalaman yang sukar diakses, termasuk laluan hutan dan sungai yang menjadi saluran logistik utama Indonesia. Keupayaan mereka dalam mengenalpasti corak pergerakan musuh dan menyalurkan maklumat kepada pasukan utama merupakan asas keberkesanan operasi rentas sempadan seperti claret.

Keseluruhannya, pelaksanaan Operasi Claret mencerminkan satu pendekatan strategik yang bersifat adaptif dan realistik terhadap ancaman keselamatan sempadan, serta sejajar dengan keperluan geopolitik dan ketenteraan Malaysia dan British pada era Konfrontasi. Dalam menghadapi ancaman tidak konvensional yang dilancarkan oleh Indonesia semasa era Konfrontasi, Operasi Claret tampil sebagai suatu tindak balas strategik yang menggabungkan ketelitian doktrin ketenteraan British, dukungan bersepadu pasukan Komanwel, serta penglibatan aktif komuniti tempatan yang memiliki pemahaman mendalam terhadap medan dan budaya perbatasan. Sinergi antara ketiga-tiga elemen ini iaitu strategi ketenteraan British, sokongan Komanwel, dan kearifan tempatan (lokal) telah menghasilkan satu sistem pertahanan berlapis yang bukan sahaja fleksibel tetapi juga adaptif terhadap dinamika ancaman, medan operasi, dan realiti sosial di sempadan Borneo. Keupayaan adaptif inilah yang menjadikan sistem pertahanan tersebut efektif dalam mempertahankan integriti wilayah Malaysia Timur sepanjang era Konfrontasi. Meskipun dilaksanakan secara rahsia dan dalam skala operasi yang terhad, keberkesanan Operasi Claret dalam membendung kemaraan musuh, mengganggu jaringan logistik ABRI, serta memberikan tekanan psikologi terhadap kepimpinan ketenteraan Indonesia membuktikan bahawa Claret bukan sekadar strategi pertahanan, tetapi juga berfungsi sebagai instrumen geopolitik berimpak tinggi dalam mempertahankan kedaulatan Malaysia sepanjang era konfrontasi (Mad Ali @ Abang, 2021).

6. Kesimpulan

Pelaksanaan Operasi Claret memperoleh keabsahannya melalui Perjanjian Malaysia 1963, yang menegaskan komitmen ketenteraan British dalam menjamin keselamatan dan integriti wilayah Malaysia daripada sebarang bentuk ancaman luaran. Dalam

konteks perjanjian tersebut, tindakan rentas sempadan yang dilaksanakan menerusi Operasi Claret dilihat sebagai manifestasi tanggungjawab kolektif Komanwel dalam mempertahankan negara anggota yang baharu merdeka. Namun demikian, operasi ini dijalankan dalam kerangka kerahsiaan mutlak dan tidak pernah diakui secara rasmi oleh pihak berkuasa selama hampir tiga dekad. Pendedahan secara berperingkat hanya berlaku apabila sekatan maklumat dilonggarkan oleh kerajaan British pada tahun (1974), diikuti oleh Amerika Syarikat (1994), dan akhirnya Australia (1996). Di Malaysia, pendekatan akademik yang lebih kritikal terhadap Operasi Claret hanya mula berkembang sekitar tahun (2021), yang sekali gus membuka ruang untuk penilaian semula terhadap sumbangannya dalam sejarah keselamatan nasional.

Kejayaan Operasi Claret mengesahkan keberkesanan strategi defence-in-depth yang dilaksanakan dengan peraturan taktikal yang ketat bagi memastikan pelaksanaan Operasi Claret dapat dijalankan secara efektif dalam kerangka perang asimetrik. Peraturan ini bertujuan bukan sahaja untuk meningkatkan keberkesanan operasi rentas sempadan terhadap pasukan ABRI, tetapi juga untuk mengekalkan tahap kerahsiaan maksimum, seterusnya mengelakkan sebarang implikasi diplomatik yang boleh mencetuskan perang terbuka antara Malaysia dan Indonesia melalui kerjasama taktikal antara pasukan elit British dan negara-negara Komanwel, serta unit paramiliter tempatan seperti Border Scouts, Bultiken. Meskipun bersifat ofensif, kejayaan operasi ini tidak hanya ditentukan oleh keunggulan ketenteraan semata-mata, tetapi juga bertitik tolak daripada elemen sosial yang lebih mendalam, iaitu kesetiaan, keberanian, dan sokongan berterusan daripada komuniti perbatasan. Golongan inilah yang menjadi benteng sosial dan psikologi dalam menghadapi pencerobohan oleh ABRI.

Sinergi antara kekuatan ketenteraan konvensional dan kearifan tempatan telah membentuk suatu sistem pertahanan yang responsif, berdaya tahan, dan lestari di sepanjang sempadan Borneo, menjadikannya benteng yang ampuh dalam menghadapi ancaman berintensiti rendah sepanjang era Konfrontasi. Keupayaan ini bukan sahaja memungkinkan tindakan balas pantas terhadap ancaman, tetapi turut memperkukuh pertahanan komuniti melalui jaringan sokongan sosial dan pengetahuan tempatan yang strategik. Pengalaman ini membuktikan bahawa dalam konteks konflik berintensiti rendah, keberkesanan pertahanan tidak hanya bergantung kepada keunggulan persenjataan, tetapi turut ditentukan oleh kewujudan jaringan kepercayaan dan kolaborasi erat antara angkatan tentera dengan komuniti setempat. Hubungan simbiotik ini menjadi asas kepada ketahanan wilayah yang mampan dan efektif. Hakikat inilah yang membentuk teras kepada keberkesanan strategi pertahanan Malaysia di Borneo, sekali gus menjadikannya benteng yang teguh dalam menghadapi tekanan Konfrontasi.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Semua persetujuan daripada peserta telah diperoleh sebelum penyelidikan ini dijalankan. Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini melibatkan peserta telah dilaksanakan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penghargaan dan terima kasih kepada Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Pusat Penyelidikan & Inovasi, Universiti Malaysia Sabah, Muzium Tentera Darat Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Arkib Negeri Sabah, Perpustakaan Tun Fuad Stephen, Veteran ATM, Paramiliter Malaysia dan masyarakat sempadan Sarawak dan Sabah diatas kerjasama menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Terima kasih kepada Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Malaysia Sabah (UMS) diatas Skim Geran Bantuan Penyelidikan Pascasiswazah (UMSgreat) Tindakbalas Ketenteraan British Di Sarawak dan Sabah Ketika Konfrontasi Indonesia-Malaysia, 1961-1966 [18 bulan: September, 2019 - September, 2020].

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Carlin, T. (1994). *Claret: The nature of war and diplomacy – Special operations in Borneo 1963–1966 (Strategic Research Project)*. U.S. Army War College, Carlisle Barracks, Pennsylvania.
- Chin, K. W. (1983). *The defence of Malaysia and Singapore: The transformation of a security system 1957-1971*. Cambridge University Press.
- Dennis, P., & Grey, J. (1996). *Emergency and Confrontation: Australian military operations in Malaya and Borneo 1950–66*. Allen & Unwin.
- Dickens, P. (1991). *SAS The Jungle Frontier 22 Special Air Service Regiment In The Borneo Campaign 1963-1966*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co. Publishing Division,
- Easter, D. (1999). British and Malaysian covert support for rebel movements in Indonesia during the 'confrontation', 1963–66. *Intelligence and National Security*, 14(4), 195-208.
- Easter, D. (2001). British intelligence and propaganda during the 'confrontation', 1963-1966. *Intelligence & National Security*. 16(2), 83-102 DOI: 10.1080/09592310802061380
- Edwards, P., & Pemberton, G. (1992). *Crises & Commitments: The Politics And Diplomacy Of Australia's Involvement In Southeast Asian Conflicts, 1948–1965*. Sydney, NSW: Allen & Unwin.
- Fowler, W. (2006). Britain's secret war: the Indonesian confrontation 1962-66. *Borneo Research Bulletin*, 40, 351-352.
- Gregorian, R. (1991). CLARET Operations And Confrontation. *Conflict Quarterly*, 11(1), 46–72.
- Hall, B., & Ross, A. (2008). The Political And Military Effectiveness Of Commonwealth Forces In Confrontation 1963–66. *Small Wars & Insurgencies*, 19(2), 238-255.
- Hindley, D. (1964). Indonesia's Confrontation with Malaysia: A Search For Motives. *Asian Survey*, 904-913.
- James, H., & Sheil-Small, D. (1971). *The Underclared War*. London: Leo Cooper.

- Jerrentrup, A., Mueller, T., Glowalla, U., Herder, M., Henrichs, N., Neubauer, A., & Schaefer, J. R. (2018). Teaching medicine with the help of “Dr. House.” *PLoS ONE*, 13(3), Article e0193972. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0193972>
- Mad Ali @ Abang, A. R. (2021). *Dasar dan Tindak Balas Ketenteraan British Di Sarawak dan Sabah Sebelum Dan Semasa Konfrontasi Indonesia-Malaysia, 1961-1966*. Tesis PhD. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah.
- Mad Ali @ Abang, A. R. (2023). Bantuan Australia Terhadap Malaysia Semasa Konfrontasi Indonesia, 1963-1966. *e-Bangi Journal Social Sciences and Human Sciences*, 7(1), 92-103 DOI: <https://doi.org/10.17576/ebangi.2023.20>
- Mad Ali @ Abang, A. R. (2024). Konfrontasi Malaysia-Indonesia (1963-1966) Persengketaan Dua Negara Serumpun. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 7(1), 92-103.
- Mad Ali @ Abang, A. R., Bilcher Bala & Ramli Dollah. (2019). Pencerobohan dan serangan tentera Indonesia terhadap Sarawak dan Sabah pada tahun 1963. *Journal Borneo Akhaliogia: Heritage, Archeology and History*, 4(1), 17-36. DOI: <https://doi.org/10.51200/jba.v4i1.1865>
- Pocock, T. (2013). *Fighting General: The Public & Private Campaigns Of General Sir Walter Walker* (2nd ed.). Collins.
- Smith, A. H. (2008). Gunners in Borneo: Artillery during Indonesian Confrontation, 1962-1966. *Borneo Research Bulletin*, 39, 355-356.
- Stockwell, A. J. (2003). Malaysia: The making of a Grand Design. *Asian Affairs*, 34(3), 227-242.
- Sutter, J. O. (1966). Two Faces of Confrontation: Crush Malaysia And The Gestapu. *Asian Survey*, 6(10), 523-546.
- Tuck, C. (2004). Borneo 1963-66: Counter-Insurgency Operations And War Termination. *Small Wars & Insurgencies*, 15(3), 89-111.
- Tuck, C. (2016). The limits of Covert Action: SAS Operations during ‘Confrontation’, 1964-66. *Small Wars & Insurgencies*, 27(6), 996-1018.
- Tuck, C. (2021). Managing Military Withdrawal: The British Departure from East Malaysia, 1966-1967. *Journal of Imperial and Commonwealth History*, 49(2), 312-338. <https://doi.org/10.1080/03086534.2020.1848033>
- Van der Bijl, N. (2007). *Confrontation: War with Indonesia 1962-1966*. Pen & Sword.
- Walker, W. (1969). How Borneo Was Won. *The Round Table*, 11(3), 79-87. <https://doi.org/10.1080/00396336908440962>.